



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - Peluang timba ilmu miliki hartanah | 40 |
| - Terap konsep pembangunan baharu | 40 |

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - 252 tahfiz tak patuh piawaian keselamatan | 14 |
| - 1,614 penjawat awam ditahan SPRM | 14 |

Utusan Malaysia

- | | |
|---------------------------|----|
| - Gawat di Taman Melawati | 30 |
|---------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Peluang timba ilmu miliki hartanah
Muka Surat	40

KHAMIS 26 OKTOBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

Peluang timba ilmu miliki hartanah

PANDAN INDAH - Seramai 200 golongan belia bakal menghadiri program Belia Bijak Hartanah yang berlangsung di Galeri Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ahad ini.

Pengerusi Pengerak Belia Tempatan Zon 10, Muhammad Na'im Norizan berkata, program yang julung kali diadakan itu bertujuan memberi kesedaran kepada belia untuk memiliki hartanah.

"Pada masa kini, segelintir belia dilihat tidak membuat persiapan untuk membeli rumah. Kita mahu beri kesedaran dan tips kepada mereka untuk miliki hartanah.

"Kami sedia maklum harga rumah masa kini agak tinggi nilainya, kita beri pendedahan kepada golongan belia berkaitan pengurusan kewangan mereka



MUHAMMAD NA'IM

dengan baik supaya mereka boleh beli rumah kelak," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menjemput tiga penceramah untuk berkongsi ilmu berkaitan dengan hartanah.

"Antara penceramah itu adalah penulis buku, Ahyat Khalissabri Ishak; ejen hartanah, Mohd Iqbal Abdul Halim dan Naib Presiden 1 Persatuan Guaman Hartanah Malaysia, Mohamad Redzuan Idrus," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Katanya, peserta juga akan mendapat ilmu dan kaedah serta cara-cara untuk membeli rumah.

"Saya berharap program ini akan diteruskan pada masa hadapan, berkemungkinan ada siri kedua pula kerana sambutan terhadap program ini amat menggalakan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Terap konsep pembangunan baharu
Muka Surat	40

Terap konsep *pembangunan baharu*

MPAJ naik taraf laluan pejalan kaki berbumbung, bina landskap di dataran transit

SH 24/10/17 MS 40

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menaik taraf laluan pejalan kaki berbumbung dan mewujudkan seni bina landskap di Dataran Transit MPAJ berhampiran Stesen Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) Cempaka untuk kemudahan orang ramai.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, Dataran Transit MPAJ itu merupakan projek *showcase* di kawasan Transit Oriented Development (TOD).

Menurutnya, ia merupakan hasil kerjasama PBT itu dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (Plan Malaysia).

"Projek Dataran Transit dan laluan pejalan kaki berbumbung ini menggunakan kos sebanyak RM1.3 juta yang mana ia dikongsi bersama dengan pihak Plan Malaysia," katanya.

Abd Hamid berkata, pembinaan dataran, landskap dan

INFO • Pembinaan laluan itu mengambil kira elemen reka bentuk bandar selamat, teknologi hijau

perabot jalan dibiayai oleh MPAJ, manakala laluan pejalan kaki berbumbung yang menghubungkan Stesen LRT Cempaka ke Jalan Pandan Indah pula dibiayai Plan Malaysia.

"Projek berorientasikan TOD ini merupakan satu konsep pembangunan yang baru diperkenalkan di Malaysia dengan adanya pelaksanaan pembinaan kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel," katanya.

Beliau berkata, masyarakat juga boleh melakukan aktiviti harian dengan berjalan kaki di mana situ modul kejiranan hijau direka bentuk dalam skala lima minit berjalan kaki dengan radius 400



Kerja naik taraf laluan pejalan kaki berbumbung dan seni bina landskap akan dilaksanakan di Dataran Transit MPAJ.

meter.

"Ia galakkan konsep *walk ability* dan *connectivity* melalui penyediaan ruang pejalan kaki secara menyeluruh di dalam sesebuah unit atau sub kejiranan," katanya.

Beliau berkata, pembinaan laluan itu mengambil kira elemen reka bentuk bandar selamat dan teknologi hijau

supaya ia dapat memberikan keselesaan kepada pengguna dan orang awam di samping menggalakkan suasana yang sihat di kalangan masyarakat.

"Selain laluan mesra OKU dan sistem lampu solar, ia turut menggunakan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan untuk proses

penytraman pokok di sekitar kawasan ini," katanya.

Katanya, laluan itu juga turut dihiasi dengan pokok teduhan dan pokok renek.

"Pokok yang disediakan ini bukan saja beri nilai estetik malah ia juga mudah untuk diselenggara. Terdapat juga dua taman mini yang disediakan di kawasan ini.

"Taman mini ini dilengkapi dengan *softscape* dan *hardscape*...ada lima unit bangku batu disediakan.

"Laluan ini juga dilengkapi dengan sistem lampu jenis LED berjumlah 180 unit dan sebanyak 34 unit lampu solar; ia beri pencahayaan yang baik pada waktu malam," katanya.




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	252 tahfiz tak patuh piawaian keselamatan
Muka Surat	14

Khamis, 26 Oktober 2017 **BH**

AN RAKYAT



[FOTO HIASAN]

Insiden kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat dapat perhatian pelbagai pihak babit isu keselamatan.

Info

Peratusan (%) pusat tahfiz yang mematuhi aspek keselamatan kebakaran

- **97%** - dilengkapi pintu keluar mencukupi.
- **51%** - mempunyai tangga mencukupi.
- **82%** - mempunyai pendawaian elektrik baik.
- **74%** - ada alat pemadam api.
- **9%** - dilengkapi alat pengesan asap.
- **73%** - mempunyai bekalan air untuk memadam api.
- **96%** - mempunyai jalan masuk jentera bomba.
- **66%** - mengasingkan tempat memasak.

252 tahfiz tak patuh piawaian keselamatan

➔ Pengusaha diberi tempoh 90 hari pasang alat pengesan asap, pemadam api

Laporan Rohaniza Idris, Nadia Hamid dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengenal pasti 252 pusat tahfiz gagal mematuhi piawaian keselamatan kebakaran.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata daripada jumlah itu, 169 pusat tahfiz berdaftar dengan majlis agama negeri dan 83 pusat tahfiz tidak berdaftar.

Katanya, hanya 80 peratus bilangan pusat tahfiz yang mendapatkan kelulusan JBPM. Ia membabitkan 73 pusat tahfiz berdaftar dan tujuh tidak berdaftar.

Bagaimanapun, beliau berkata, pusat berkenaan mendapat kelulusan bomba.

"Hasil siasatan JBPM, 367 notis menghapuskan bahaya kebakaran dikeluarkan membabitkan 83 pusat tahfiz.

"Notis itu dikeluarkan selepas mengambil kira banyak aspek keselamatan. Antaranya antara 90 hingga 180 hari untuk memastikan arahan keselamatan dipatuhi," katanya.

Beliau menjawab soalan Hec Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Sela-

tan) berkaitan usaha kerajaan dalam memastikan keselamatan bangunan sekolah tahfiz di seluruh negara berikutan insiden kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kampung Datuk Keramat, baru-baru ini, di Dewan Rakyat, semalam.

Periksa, pantau premis tahfiz

Antara standard yang ditetapkan adalah akses pintu keluar dan tangga mencukupi, pendawaian elektrik yang baik, alat pemadam api, alat pengesan asap, bekalan air untuk memadam api, jalan masuk jentera bomba serta pengasingan tempat memasak.

Noh berkata, pengusaha pusat tahfiz diberi tempoh 90 hari untuk memasang alat pengesan asap dan pemadam api, manakala 180 hari diperuntukkan untuk struktur utama seperti tangga serta dinding.

Selepas cukup tempoh, Jabatan Bomba akan datang membuat pemeriksaan sama ada pusat

tahfiz mematuhi arahan atau sebaliknya.

"Oleh itu, saya minta kerjasama semua Ahli Parlimen turun ke kawasan masing-masing memeriksa dan memantau premis terbabit.

Ia meliputi pusat tahfiz, pusat warga emas, rumah kebajikan dan asrama di mana-mana majlis untuk mematuhi dan menjamin keselamatan," katanya.

Noh berkata, JPPM sudah menjalankan pemeriksaan ke atas 73.5 atau 910 pusat tahfiz yang berdaftar dengan majlis agama negeri.

Pada masa sama, katanya, JBPM juga memeriksa 26.5 peratus atau 328 pusat tahfiz yang tidak berdaftar dengan mana-mana majlis agama negeri atau persekutuan.

Rekod juga menunjukkan, sebanyak 986 pusat tahfiz didapati mematuhi piawaian meliputi 748 pusat tahfiz berdaftar dengan majlis agama negeri, manakala 238 tidak berdaftar.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	1,614 penjawat awam ditahan SPRM
Muka Surat	14

1,614 penjawat awam ditahan SPRM

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan 2,309 kertas siasatan salah laku rasuah membabitkan penjawat awam untuk tempoh 2013 hingga 30 September tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, berkata angka itu lebih tinggi berbanding 1,143 kertas siasatan membabitkan orang awam.

Bagaimanapun, kategori orang

awam itu tidak mengambil kira sektor swasta atau ahli politik.

1,247 orang awam ditahan

“Seramai 1,614 penjawat awam telah ditahan, manakala orang awam (1,247).

“Selain itu, sebanyak 663 penjawat awam dikenakan pertuduhan berbanding 566 orang awam. Seramai 344 penjawat awam didapati bersalah (sabitan), manakala orang awam seramai 494 orang.

**Fakta
nombor**

2,309

kertas siasatan salah laku rasuah penjawat awam direkod SPRM sejak 2013

“Penjawat awam yang dilepaskan (pertuduhan tidak disabitkan di Mahkamah Sesyen) adalah sebanyak 150 orang berbanding 41 orang awam,” katanya dalam jawapan bertulis kepada Er Teck Hwa (DAP - Bakri) pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Teck Hwa bertanya mengenai jumlah kakitangan kerajaan dan orang awam yang telah disiasat dan dilepaskan SPRM dari 2013 hingga 30 September 2017.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Gawat di Taman Melawati
Muka Surat	30

UTUSAN MALAYSIA MUKA 30

KHAMIS • 26.10.2017 kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota
44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my



MASALAH kebersihan, jalan raya rosak dan kesesakan lalu lintas adalah kombinasi menghantui kawasan ini.



TABURAN sampah berhampiran medan selera Pusat Bandar Melawati mengundang masalah halwan perosak.



LORONG ditutup, lampu isyarat di persimpangan dan pertukaran sesi persekolahan ibarat mimpi ngeri siang hari di Jalan Taman Melawati, Hulu Klang, Selangor. - UTUSAN/AIZZUL A.MAJID



KEADAAN jalan yang rosak dan berpasir membahayakan pengguna jalan raya.



Sesak dengan kenderaan, seksa buat pejalan kaki



REAKSI
KEMBALIKAN KEDAMAIAN KAMI

SETIAP hari penduduk terpaksa menempuh kesesakan amat teruk pada waktu puncak malah diburukkan lagi dengan aktiviti perniagaan pasar malam dan pasar tani setiap hujung minggu.

ASYRAF MOHD. ISA
Penduduk

PENDUDUK berharap supaya permasalahan yang berlaku di Taman Melawati ini dibawa ke peringkat lebih tinggi seperti sidang Dewan Undangan Negeri (DUN). Biarlah semua pihak berbincang dan bersepatutannya menyelesaikan permasalahan tersebut.

SYAHRIL AKMAR ABU BAKAR
Penduduk

TERLALU banyak jalan rosak dan berlubang dapat ditemukan di Taman Melawati. Keadaan ini bukan sahaja mengundang bahaya malah menjadi punca utama kesesakan memandangkan pengguna terpaksa memperlahankan kenderaan mereka.

SAFARIN JAAFAR
Penduduk

Gawat di Taman Melawati

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR dan NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusanangpau.com.my

■ AMPANG JAYA 25 OKT.

KESESAKAN jalan raya dan kepadatan penduduk Taman Melawati di sini sudah cukup merimaskan namun beberapa projek pembangunan komersial serta naik taraf utiliti di sekitarnya seolah menyesaikkan nafas.

Mana-mana warga kota yang pernah memasuki kawasan ini

pasti mahu mengelak daripada menempuh pengalaman sama untuk kali kedua memandangkan jumlah kenderaan keluar masuk yang tidak putus-putus dari Lebuhraya Lingkar Tengah Dua (MRR2).

Tinjauan *Utusan Malaysia* sekitar Pusat Bandar Melawati baru-baru ini mendapati wujud ancaman keselamatan jalan raya terutama di Jalan Taman Melawati terutama melibatkan murid Sekolah Kebangsaan Taman Melawati 2 yang silih ber-

ganti sesi pagi dan petang.

Pertukaran sesi pasti menegeruhkan kesesakan di jalan tersebut lebih-lebih lagi kewujudan simpang tiga tidak jauh daripada pintu masuk utama sekolah berkenaan.

Bagi menabur garam ke atas luka, projek naik taraf sistem pembetulan berhampiran menyumbang kepada kesesakan luar biasa apatah lagi lorong pada kedua-dua hala itu terhalang ekoran kerja korekan di bahagian pemisah antara dua jalan.

Kawasan sekitar Medan Selera Melawati yang menjadi titik tengah ke-

seluruhan kawasan komersial termasuk pusat membeli-belah Melawati Mall yang baharu itu pula 'sarat' dengan pelbagai masalah. Aliran trafik satu lorong yang sibuk seluruh kawasan itu memaksa lorong belakang premis dijadikan tempat letak kereta namun itu sedikit pun tidak mengubah pemandangan longgokan sampah dari terus mencemarkan kawasan awam.

Petak letak kereta di Lorong Pulau Pinang, Pusat Bandar Melawati di sini kelihatan jelas bertukar masalah serupa malah saliran longkang pasti mem-

batakan selera makan jika pengunjung mahu mengisi perut di premis makanan di situ.

Dakwa sesetengah penduduk yang ditemui, dalam masalah longgokan yang mengundang kehadiran haiwan perasak seperti tikus dan lipas itu tidak lain dan tidak bukan adalah sikap tidak bertanggungjawab pengusaha premis sendiri.

Itu belum dikira dengan keadaan kotor dan tidak terurus terutama pemilik premis bengkel dan alat ganti kenderaan yang tidak bertanggungjawab menguasai petak letak

kereta awam sebagai tempat pelupusan barang buangan.

Halangan yang wujud sekitar Pusat Bandar Melawati bukan sahaja menyesaikkan lagi trafik malah menyeka juga buat pejalan kaki dalam kawasan awam itu yang tidak mesra buat mereka.

Kehijauan dan udara bersih Taman Melawati yang terletak di kaki bukit dan terpinggir dari hiruk-pikuk bandar itu tidak lagi mampu dinikmati penduduknya ekoran dihabat pembangunan projek-projek mega.



JUMLAH kenderaan yang tinggi menyebabkan parkir sentasa penuh, sehingga ramai pengunjung terpaksa meletakkan kenderaan di tepi jalan dan lorong belakang bangunan.



PROJEK pembetulan yang melibatkan penutupan lorong kenderaan merupakan penyumbang utama kepada kesesakan lalu lintas.

PUSAT BANDAR MELAWATI



LOPAK sebegini mungkin nampak kecil dan kecil namun membahayakan penunggang motosikal ketika melalui atau cuba mengelaknya.